



UMS destinasi Forum For ASEAN Young Diplomats On International Affairs

Oleh Nor Hamizah Hazirah Binti Hussin

Bertempat di Nexus Resort Karambunai, satu Majlis Makan Malam sempena meraikan peserta Forum For ASEAN Young Diplomats on International Affairs telah diadakan pada 18 Jun yang lalu. Program anjuran Institut Diploma dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) telah memilih Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai salah satu destinasi untuk menambah pengetahuan para peserta forum terhadap perkembangan terkini dan mengetahui cara pengurusan pembangunan universiti.

Menurut Prof. Dr. Vincent Pang, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa UMS, program ini adalah amat bermakna bukan sahaja untuk meningkatkan ilmu pengetahuan para peserta tetapi juga akan mengeratkan lagi hubungan antara Negara-negara ASEAN dengan Korea Selatan, sekaligus mewujudkan perkongsian dalam pelbagai bidang untuk memajukan setiap Negara seiring dengan perkembangan terkini. "Sebagai contoh, Malaysia kini telah merancang untuk bekerjasama dengan Korea Selatan dalam bidang teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi meningkatkan hubungan dua hala dalam bidang ICT yang masih sederhana antara dua pihak. Melalui itu, hubungan diplomatik adalah sangat penting dalam memajukan sesebuah negara," katanya.

Hadir sama pada majlis makan malam tersebut ialah Encik Abdullah Faiz Zain selaku Ketua Delegasi rombongan, Encik Khairul Anwar selaku Pengarah Program dan Puan Romancitta Natalie Dusipil selaku Pegawai Pengiring Lawatan.

Forum ini dijangka mampu meningkatkan pemahaman para peserta dalam pelbagai bidang seperti pengalaman diplomasi, hubungan luar negeri, perundingan antarabangsa serta isu-isu politik serantau Seramai 18 peserta yang terdiri daripada peserta dari negara di Asia Tenggara dan Korea Selatan terlibat dengan forum yang berlangsung selama 8 hari, iaitu bermula 18 Jun sehingga 25 Jun.